

Aah mex

Mahathir - Mercun '11'

KUALA LUMPUR, 16 Mei (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata Malaysia sepatutnya tidak memerlukan industri pembuatan mercun dan kerajaan akan membuat kajian mengenai masa depannya.

+Saya berpendapat industri seperti ini tidak perlu di negara kita, kalau kita tiada industri seperti inipun, pertumbuhan industri kita tidak akan terjejas.

+Kita akan mengkaji sama ada kita akan tarik balik lesen atau menghentikan industri ini, ataupun kalau perlu dijalankan juga, kita akan jalankan dengan syarat-syarat yang ketat supaya tragedi letupan dan kebakaran kilang mercun dan bunga api Bright Sparklers di Sungai Buloh ini tidak berulang,+ katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas melawat kawasan kilang itu yang terbakar dan meletup Selasa lepas, menyebabkan sekurang-kurangnya 24 orang mati dan lebih 100 cedera.

Semasa kejadian itu berlaku, Perdana Menteri berada di luar negeri kerana cuti rehat. Beliau pulang petang semalam.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata beliau berpendapat bahawa tragedi itu akan menjadi satu pengajaran kepada kerajaan dan masyarakat.

Katanya beliau berpendapat kerajaan patut menghentikan pengeluaran mercun selain daripada bahan letupan yang diperlukan oleh Angkatan Tentera Malaysia. -- Lagi

♥16/05/17-47MST

U GR 16-05 00126 BA472

Aah

Mahathir - Mercun 2 Kuala Lumpur

Datuk Seri Dr Mahathir berkata beliau percaya negara maju sendiri sengaja tidak mahu mendirikan industri mercun dan bunga api ini kerana berbahaya dan memilih untuk mengimportnya.

Beliau mengingatkan para usahawan Malaysia supaya mengkaji dengan teliti implikasi sebarang teknologi baru sebelum menggunakannya di negara ini.

Perdana Menteri juga mengingatkan pihak-pihak tertentu supaya tragedi kilang mercun itu tidak dijadikan isu politik kerana ia bersifat sensitif yang melibatkan kematian.

Beliau lalu membidas parti pembangkang yang sentiasa menjadikan perkara seperti itu sebagai isu politik sehingga menggenggalakan usaha untuk memberi kebaikan kepada rakyat.

Ini termasuk sebarang cadangan untuk memindahkan penjaja dan usaha mendapatkan tempat pembuangan sisa toksik, tambah beliau. -- Lagi.

♥16/05/18-49MST

aab

Mahathir - Mercun 3 Kuala Lumpur

Perdana Menteri berkata, ketika kerajaan membenarkan industri mercun dan bunga api itu didirikan pada 1973, negara ini tidak mempunyai banyak kilang.

Kerajaan tidak banyak pilihan kerana kurangnya kilang-kilang dan peluang kerja adalah terhad serta bahaya industri berkenaan belum begitu difahami, katanya.

+Bagi kita, tragedi ini adalah satu pengajaran tentang bahaya industri mercun dan bunga api,+ katanya.

Datuk Seri Dr Mahathir juga berharap kenyataan-kenyataan akhbar mengenai tragedi itu dihentikan bagi mengelakkan kekeliruan di kalangan orang ramai.

Katanya, kenyataan-kenyataan akhbar itu patut dihentikan sehingga Suruhanjaya Diraja bagi menyiasat tragedi itu menyiapkan laporannya. -- Lagi

▼16/05/20-00MST

R GB 16-05 00089

aab

Mahathir - Mercun 4 Kuala Lumpur

Beliau juga memberi jaminan bahawa kerajaan akan membantu keluarga mangsa tragedi itu dan menyeru orang ramai supaya terus memberi sumbangan mereka.

Datuk Seri Dr Mahathir juga mengucapkan takziah kepada anggota keluarga mangsa tragedi itu.

Sebelum itu, beliau diberi taklimat oleh Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Datuk Zaman Khan mengenai tragedi itu dan kerja mencari mayat.

Perdana Menteri juga melawat pusat penempatan sementara di Dewan Orang Ramai Kampung Baru Sungai Buloh. -- Bernama

▼16/05/20-01MST